

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2002/2003

April/Mei 2003

**JUT 201 – Tamadun Islam dan Tamadun Asia I**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

- 2 -

1. Firman Allah yang bererti : *Sesungguhnya Agama di sisi Allah ialah Islam*

Berdasarkan pengertian ayat di atas terangkan tentang perkara berikut :

- (a) Pengertian Islam menurut Bahasa Arab
- (b) Islam dalam pengertian agama
- (c) Perbezaan antara pengertian al-Din dan agama
- (d) Pengertian al-Din menurut al-Maududi

(25 markah)

2. Allah menjadikan jin dan manusia untuk beribadah kepadaNya. Berdasarkan pernyataan di atas huraikan tentang

- (a) Konsep ibadah dalam Islam
- (b) Perbezaan antara manusia dan jin dengan makhluk-makhluk lain dari segi kepatuhan kepada Allah
- (c) Syarat kerja harian sebagai Ibadah
- (d) Manusia dan ubudiah kepada Allah

(25 markah)

3. Huraikan perkara-perkara berikut :

- (a) Pengertian tamaddun menurut Ibn Khaldun
- (b) Agama dan tamaddun
- (c) Tamaddun Islam menurut Mohamad Asad
- (d) Prinsip tamaddun Islam

(25 markah)

4. Dalam sejarah tamaddun terdapat ciri-ciri tertentu. Jelaskan perkara-perkara berikut :

- (a) Pengertian al-Tauhid dan tamaddun Islam
- (b) Kesejagatan Islam
- (c) Kemuliaan insan
- (d) Keadilan sosial

(25 markah)

5. Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut :

- (a) Pengertian al-Qur'an
- (b) Pembukuan al-Qur'an
- (c) Cara al-Qur'an diturunkan
- (d) Kandungan al-Qur'an

(25 markah)

6. Terangkan perkara berikut :

- (a) Takrif al-Sunnah
- (b) Al-Sunnah sebagai hujah
- (c) Hubungan al-Sunnah dengan al-Qur'an
- (d) Hadith Mutawatir

(25 markah)